

NAMA: _____

TAHUN: _____

BAHAGIAN A

SOALAN 1 – FAHAMAN

1. Baca dan fahami cerita di bawah ini. Kemudian jawab soalan fahaman daripada cerita tersebut.

SIKAP PATUH DAN TAAT KEPADA KEDUA IBU BAPA

Ibu bapa merupakan orang yang paling berjasa dalam kehidupan kita. Kita wajib patuh dan taat kepada mereka. Allah Subhanahu Wata'ala telah memerintahkan setiap anak untuk bersikap patuh, taat mendengar nasihat dan perintah kedua ibu bapanya.

Sebagai seorang anak, kita mesti mengenang jasa kedua-dua ibu bapa kerana merekalah orang yang paling banyak berkorban. Berkorban dari segi masa dan tenaga semata-mata untuk menjadikan hidup kita berjaya dan sempurna. Anak yang baik tidak boleh melawan dan derhaka kepada kedua-dua ibu bapanya. Kita mestilah merendahkan suara dan tidak boleh mengeluarkan kata-kata yang kasar dan kesat ketika bercakap dengan mereka. Jangan mudah marah apabila ibu bapa menegur dan memberikan nasihat. Kita perlu mendengar dan berfikir sebelum bertindak. Jika membuat silap, segeralah memohon kemaafan kepada mereka.

Seorang anak wajib memelihara tingkah laku ketika bergaul dengan kedua-dua ibu bapanya dan berusaha tidak akan menyusahkan hati mereka. Dia perlu mendisiplinkan diri dengan meminta izin terlebih dahulu ketika hendak keluar rumah, memberitahu ke mana tujuan dan pergi bersama siapa. Dia juga hendaklah berusaha menghubungi ibu bapa jika bercadang pulang lewat ke rumah dan sentiasa menepati janji serta tidak berbohong kepada mereka. Selain itu, dia mesti bertanggungjawab memelihara adab berpakaian yang tidak menjolok mata dan menjaga nama baik keluarga ketika berada di mana jua.

Sebagai seorang anak wajib, kita mempunyai kewajipan yang berterusan kepada kedua-dua ibu bapa sehingga ke akhir hayat mereka. Kita tidak boleh menyisihkan mereka dan mestilah sentiasa mendoakan kesihatan dan kesejahteraan mereka. Sekalipun mereka telah meninggal dunia, kita dituntut untuk terus mendoakan mereka. Anak yang patuh dan taat perintah kedua-dua ibu bapanya pasti akan mendapat balasan syurga.

1. Siapakah orang yang paling berjasa dalam kehidupan kita?

(2 markah)

2. Mengapakah ibu bapa kita mengorbankan masa dan tenaga untuk anak-anak mereka?

(2 markah)

3. Tuliskan dua (2) perkara yang wajib bagi seorang anak berkaitan memelihara tingkah laku ketika bergaul dengan kedua-dua ibu bapanya?

i.

ii.

(2 markah)

4. Apakah yang dimaksudkan dengan kewajipan yang berterusan kepada ibu bapa kita?

(2 markah)

5. Bagi pendapat kamu, mengapakah seorang anak wajib menyayangi kedua-dua ibu bapanya?

(4 markah)

6. Tuliskan dua (2) contoh tingkah laku yang baik pernah kamu lakukan kepada ibu bapa.

(4 markah)

7. Berikan dua manfaat yang diperolehi jika anak berbuat baik kepada ibu bapa.

- i.

- ii.

(4 markah)